

Politik wang: Pemimpin UMNO akur arahan PM

UM - 6 JAN 2000

KUALA LUMPUR 5 Jan. — Para pemimpin UMNO termasuk mereka yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan tinggi parti akur dengan arahan Presiden agar ahli-ahli tidak mengamalkan politik wang untuk memenangi jawatan dalam perhimpunan agung parti Mei ini.

Malah mereka turut menganggap ingatan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu sebagai usaha untuk mewujudkan suasana pertandingan lebih sihat dalam parti.

Di PUTRAJAYA, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim berkata, pesanan Presiden UMNO itu harus dijadikan arahan parti supaya dapat dikuatkuasakan segera.

Katanya, penguatkuasaan itu penting supaya pemilihan para pemimpin dalam parti memberi kesan yang positif kepada ahli-ahli UMNO.

“Setakat ini Perdana Menteri hanya memberi peringatan mengenai penggunaan wang semasa berkempen merebut mana-mana jawatan dalam parti.

“Adalah lebih baik jika laranaan ini dikuatkuasakan dalam bentuk peraturan supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih tegas lagi,” katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya larangan itu dipanjangkan kepada semua bentuk pemilihan yang melibatkan parti.

Menurut Rais, cadangan Perdana Menteri itu selaras

dengan kehendak sejagat untuk memastikan amalan politik di negara ini tidak dicampur-adukkan dengan kebenaran.

Rais yang baru-baru ini menyatakan keediaannya untuk bertanding jawatan Naib Presiden turut akur dengan peringatan Dr. Mahathir itu.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad menyifatkan peringatan awal Dr. Mahathir sebagai nasihat yang perlu dipandang serius.

Beliau yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO negeri berkata, teguran itu adalah peringatan yang perlu dipatuhi oleh semua anggota UMNO sama ada yang bertanding untuk jawatan Naib Presiden atau sebaliknya.

Katanya, budaya politik wang di dalam UMNO perlu ditolak terus kerana ia hanya memberi kesan buruk terhadap moral parti dan anggota UMNO sendiri.

“Saya berpendapat peringatan Perdana Menteri itu perlu dipatuhi oleh semua peringkat UMNO supaya pertandingan jawatan Naib Presiden dapat dijalankan dengan cara yang terhormat,” katanya.

Di ALOR SETAR, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain menyifatkan kenyataan Presiden UMNO itu sebagai satu pandangan yang amat berguna.

Beliau berkata, ini supaya tidak akan ada pihak yang

akan membelanjakan duit untuk mendapatkan jawatan tersebut.

“Pandangan pucuk pimpinan yang duduk di atas perlu dipatuhi kerana beliau lebih nampak apa yang berlaku di bawah,” katanya.

Syed Razak berkata, anggota UMNO perlu mematuhi nasihat tersebut demi masa depan parti.

Beliau berkata, sebuah parti dan negara itu akan rosak jika politik wang terus berlaku di kalangan ahli politik.

“Kalau masing-masing guna duit, semua penyokong akan dapat dibeli,” katanya.

Sehubungan itu katanya, UMNO negeri menyokong nandangan Dr. Mahathir itu yang disifatkan sebagai tepat demi masa depan parti dan negara ini.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Osu Sukam berkata, ingatan daripada Presiden parti agar calon-calon yang akan merebut kerusi Naib Presiden dan Majlis Tertinggi tidak menggunakan wang untuk menagih sokongan sebenarnya membawa makna yang mendalam untuk semua ahli.

“Kita amat bersetuju dengan ingatan tersebut kerana sekiranya tidak dikawal dan diawaei, penggunaan wang untuk meraih undi akan menyebabkan perpecahan, katanya.